



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.47(82)
Tarikh : 17 Januari 2018

SIARAN MEDIA

KONVENSYEN PERBANDARAN NEGARA

Putrajaya, 17 Januari 2018 – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan satu Konvensyen Perbandaran Negara pada hari ini. Majlis penutupan Konvensyen telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan.

Konvensyen Perbandaran Negara yang pertama kalinya di Malaysia ini merupakan salah satu platform untuk mendapatkan pandangan daripada pelbagai latar belakang kepakaran. Pakar-pakar yang terdiri dalam kalangan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, golongan profesional, agensi kerajaan, para akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) menterjemah **Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda)** yang menyentuh isu perbandaran dan kesejahteraan penduduk bandar.

Konvensyen pada hari ini dilaksanakan dalam bentuk perbincangan secara berkumpulan dan topik perbincangannya adalah berkaitan langkah pelaksanaan sasaran utama Agenda Perbandaran Baharu di negara ini dengan mengambil kira **Strategi dan Tindakan, Draf Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB)**. Konvensyen Perbandaran Negara merupakan langkah awal Malaysia untuk menyahut komitmen NUA yang diterjemah dan diselaraskan dengan PSRB mengikut acuan negara berdasarkan faktor fizikal, sosio ekonomi, sosia budaya, demografi dan sebagainya. PSRB ini akan menjadi asas pelaksanaan yang perlu didokumentasi dan dipantau pelaksanaannya pada masa hadapan.

Resolusi daripada konvensyen ini akan turut dijadikan input dalam memuktamadkan Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB) yang disediakan bertujuan meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk bandar dengan memberi penekanan dalam aspek berkaitan pengangkutan awam, perumahan, modal insan, ekonomi, persekitaran dan tadbir urus yang baik seperti yang termaktub di dalam Agenda Perbandaran Baharu.

Sementara itu, input-input yang diperolehi daripada penganjuran konvensyen ini akan turut digunakan semasa penganjuran **Forum Perbandaran Sedunia Ke-9 (WUF9)**

yang bakal diadakan pada **7 hingga 13 Februari 2018** bertempat di **Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)**. Tema bagi penganjuran WUF9 adalah berkaitan dengan "*Implementing the New Urban Agenda*".

Dalam perkembangan yang sama, kesediaan negara untuk menjadi tuan rumah kepada WUF9 ini mencerminkan komitmen Malaysia kepada dunia dalam aspek pembangunan bandar yang mampan dan sejahtera. Hal ini selari dengan aspirasi negara dalam melaksanakan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals (SDGs)*), *Conference of the Parties 21 (COP21) - Paris Agreement* dan yang terkini adalah menerima pakai **New Urban Agenda (NUA)** yang telah dipersetujui semasa Persidangan Ke-3 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perumahan dan Pembangunan Bandar Mampan atau *United Nations Conference on Housing and Sustainable Urban Development (HABITAT III)* di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLANMalaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my